



KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|--------------|---|-------------------------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | BH – Rencana | | | |
| TARIKH | : | 24/7/2021 (SABTU) | MUKA SURAT | : | 12 |
| JABATAN | : | KeTSA/ Kerajaan Negeri Pahang | | | |

Tasik Chini cetus kesedaran, fahami peranan alam sekitar

BH(Rencana), 24
Jul 2021_12



Pensyarah Kanan,
Micro Pollutant
Research Centre,
Fakulti Kejuruteraan
Awam dan Alam
Bina, Universiti Tun
Hussein Onn

Oleh Dr Roslinda Seswya
bhrencana@bh.com.my

Melancong ke destinasi cantik dan memukau memang menjadi impian ramai orang. Dengan kecantikan dan kepelbagaian hidupan laut, Pulau Redang dan Pulau Sipadan sentiasa menjadi destinasi pelancong dalam dan luar negara.

Malah ramai pelancong luar melawat Sabah dan Sarawak hanya kerana mahu melihat fizikal serta telatah orang utan dan monyet belanda. Selain itu, kecantikan unsur semula jadi seperti batuan, sungai, hutan, malah salji memberikan rasa tenang, tenteram serta nyaman kepada manusia.

Unsur semula jadi ini turut mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan

Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO). Ini termasuklah Taman Negara Gua Mulu dan Taman Negara Kinabalu disenaraikan sebagai Warisan Dunia UNESCO pada 2002.

Malah, Gua Niah dan Taman Negara yang memabihkan Pahang, Terengganu dan Kelantan menjadi *Tentative List* bagi Warisan Dunia UNESCO.

Tasik Chini di Pahang dan Banjaran Crocker di Sabah diwartakan sebagai tapak rizab biosfera pertama dan kedua di negara ini, masing-masing pada 26 Mei 2009 serta Jun 2014. Pewartaan tapak rizab biosfera ini adalah melalui Program Manusia dan Biosfera (MAB) UNESCO.

Malaysia membuat penyertaan sulung MAB pada 2009 dengan mencalonkan Tasik Chini, Pahang sebagai tapak rizab biosfera pertama. Ternyata, pencalonan ini tidak sia-sia.

Menurut Pusat Penyelidikan Tasik Chini, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), ia adalah tasik semula jadi kedua terbesar di negara ini dengan kepelbagaian flora dan fauna, iaitu sebanyak 51 spesies tumbuhan jenis hutan rendah; tumbuhan jenis hutan paya air tawar (15); tumbuhan akuatik (25) dan ikan air tawar (87).

Cadangan pembangunan atau perladangan di kawasan berhampiran tapak warisan dunia atau tapak rizab biosfera UNESCO boleh diusulkan dan dilaksanakan selepas menepati syarat tertentu.

Walaupun orang awam memberikan reaksi negatif kepada aktiviti perladangan berhampiran Taman Negara Gua Mulu didapat melalui penguatkuasaan

peraturan sedia ada, tadbir urus baik dan pemantauan berterusan, aktiviti perladangan terbit sama sekali tidak merosakkan Taman Negara Gua Mulu.

Mulai Mac 2019, Taman Negeri Tasik Chini diwartakan sebagai Hutan Simpan Chini. Ini menunjukkan inisiatif baik bagi memelihara tasik itu. Malah sejak 2009, Tasik Chini adalah tapak rizab biosfera UNESCO.

Namun, interpretasi daripada kedua-dua perwartaan ini seolahnya tidak difahami orang ramai. Buktinya, aktiviti perladangan di kawasan Tasik Chini didapat menjejaskan kawasan persekitaran juga menunjukkan ketidakpatuhan kepada syarat kelulusan aktiviti perladangan.

Ketidakpedulian itu berkemungkinan kerana tidak cakna mengenai implikasi sebalik pengiktirafan Tasik Chini oleh UNESCO. Pihak berkuasa mengeluarkan arahan berhenti kerja serta merta kepada kesemua pihak terbitan dengan aktiviti perladangan berkenaan.

Tindakan ini membantu mengelakkan alam sekitar kawasan itu daripada terjejas lebih teruk, sekali gus menunjukkan kefahaman bagi mengekalkan kelestarian alam sekitar. Namun, banyak lagi usaha perlu dibuat bagi memastikan Tasik Chini kekal sebagai tapak rizab biosfera UNESCO.

Tanpa strategi tepat, status istimewa tasik Chini ini mungkin gagal dikekalkan.

Pada masa hadapan, reaksi semua pihak atau warganegara perlulah sama terutama bagi perkara berkaitan kelestarian alam sekitar.

Ini memerlukan lebih banyak sebaran maklumat dibuat yang tidak terhad kepada laman web organisasi berkaitan sahaja. Malah televisyen perlu digunakan sebagai medium utama sebaran maklumat.

Setiap warganegara perlu maklum mengenai pengiktirafan sesuatu badan dunia seperti UNESCO kepada alam semula jadi Malaysia. Elemen istimewa alam semula jadi Malaysia yang menatijahkan peng-

iktirafan terbitan perlu juga didedahkan.

Ini membantu warganegara untuk menyedari keunikan alam sekitar milik tanah air yang mungkin tidak banyak negara lain miliki. Secara tidak langsung, rasa bangga akan berputik, selanjutnya melahirkan liltizam tepat untuk memelihara keunikan alam sekitar ini.

Pihak bertanggungjawab perlu memberikan penerangan kepada warganegara sama ada individu mahupun organisasi termasuk industri dan perusahaan mengenai bagaimana akta berkaitan dengan alam sekitar digunakan di negara ini.

Selain akta, dasar baharu berkaitan komponen alam sekitar juga mesti diterangkan. Dengan penerangan ini, akan wujud keyakinan dalam kalangan warganegara terhadap keseriusan negara menjaga alam sekitar.

Sudah pastilah keseriusan negara bermaksud semua pihak perlu berperanan menggerakkan dasar dan mematuhi akta. Apabila semua pihak menjalankan peranan masing-masing pastilah pengiktirafan ini boleh berkekalan.

Selain itu, pakej lawatan khas ke tapak alam sekitar diiktiraf UNESCO perlu disediakan terutama bagi pelajar sekolah dan universiti. Ini kerana mereka adalah generasi baharu yang perlu mengekalkan pengiktirafan berkenaan, sekali gus menurunkan tanggungjawab ini kepada generasi selepas mereka. Jadi, sewajarnya mereka diberi peluang mencekap maklumat langsung daripada tapak berkenaan. Mereka juga saksi hidup bagi segala kecantikan dan keunikan tapak terbitan. Pengalaman indah semasa berada di tapak itu, pastinya mereka mahu ia dirasai orang lain juga.

Oleh itu, pakej lawatan pelajar sekolah dan universiti perlulah dirangka kandungannya, lebih baik lagi jika kandungannya memabihkan pembelajaran berterusan. Pembabitin komuniti korporat adalah digalakkan sebagai tuntutan memenuhi tanggungjawab khidmat masyarakat.

Semoga Tasik Chini menjadi pencetus kepada semua warga Malaysia untuk mempelajari dan memahami peranan alam sekitar kepada manusia. Hanya dengan kefahaman itu, kita akan rasa sangat bersyukur kerana Malaysia mempunyai pelbagai komponen alam semula jadi.

Ketika itu, walaupun tidak semua komponen alam sekitar di Malaysia menerima pengiktirafan badan dunia, kita tetap bertuah kerana masih boleh bergantung harap dengan alam sekitar negara untuk pelbagai tujuan.

Namun, banyak lagi usaha perlu dibuat bagi memastikan Tasik Chini kekal sebagai tapak rizab biosfera UNESCO

